

Rumah Selangorku tiada subsidi punca harga naik

Kerajaan Selangor dikritik kerana tidak memberikan subsidi bagi projek rumah mampu milik oleh kerajaan negeri, Rumah Selangorku.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata kegagalan kerajaan negeri memberikan subsidi menyebabkan kenaikan harga rumah lain di Selangor.

"Harga rumah di bawah kuasa kerajaan negeri. Contohnya di Selangor, bagi projek Rumah Selangorku, kerajaan negeri tidak keluarkan duit langsung tetapi arah pemaju jual rendah, contohnya pada harga RM100,000.

"Ini menyebabkan pemaju

sama akan naikan harga bagi projek perumahan lain bagi menampung harga rumah mampu milik yang tidak diberikan subsidi oleh kerajaan negeri.

Kaedah beli tanpa deposit

"Ini berbeza dengan inisiatif kerajaan Persekutuan apabila kita jual pada harga RM35,000 dengan subsidi sehingga RM150,000 dan kalau rakyat tak mampu dan gagal dapatkan pinjaman bank, kita perkenalkan pula kaedah sewa untuk beli tanpa perlu bayar deposit," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Khalid Abd Samad (PAN-

Shah Alam) yang bertanyakan langkah kementerian untuk memastikan harga rumah, selain rumah mampu milik, dijual pada harga berpatutan.

Menjawab soalan asal Khalid berhubung jumlah rumah mampu milik yang sudah dibina di seluruh negara mengikut negeri dari tahun 2009 hingga tahun ini, Noh berkata sebanyak 241,555 rumah mampu milik dibina hingga April lalu.

Katanya, jumlah itu adalah 21.7 peratus daripada jumlah keseluruhan sebanyak 1.1 juta rumah mampu milik di bawah RM300,000 yang disasarkan kerajaan.



Kalau rakyat tak mampu, kita perkenal pula kaedah sewa untuk beli tanpa perlu bayar deposit"

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan
Tempatan